

KERTAS KERJA DASAR FORMULA PEMBELAJARAN B. ARAB MIKRO

1. MUQADDIMAH

()

Maksudnya

Sesungguhnya kami telah permudahkan Al-Quran itu untuk dikuasai, maka tidak adakah orang yang sudi menguasainya.
(Al-Qomar:17,22,32 & 40)

Berdasarkan kepada ayat tersebut yang telah diulang sebanyak empat kali dalam Al-Quran membuktikan bahawa di sana terdapat suatu rahsia atau kunci ilmu Bahasa Arab (BA) yang perlu dikaji dalam usaha menguasai Al-Quran itu sendiri. Bertolak dari sinilah kami telah membuat kajian dan telah menemui suatu teknik baru yang memudahkan para pelajar menguasai BA melalui pendekatan pembelajaran mikro.

Bahasa Arab Mikro ialah suatu pendekatan pembelajaran bahasa yang memberi tumpuan kepada memahami proses "**pembentukan kata**" dan "**fungsi pemakaiannya**" dalam ayat. Ia memberi penekanan yang lebih kepada teknik pemakaian dan olahan sesuatu kata dalam ayat.

2. KEWAJARAN

Teknik baru ini telah diuji dan terbukti berkesan serta boleh memberi motivasi kepada pelajar dalam mempertingkatkan kekuatan BA mereka melalui siri-siri bengkel yang telah diadakan di pelbagai pusat pendidikan seperti berikut:-

- a- Universiti Malaya Nilam Puri Kota Bharu Kelantan.
- b- Universiti Kebangsaan Malaysia
- c- Fakulti Bahasa Universiti Malaya Kuala Lumpur
- d- Kolej Islam Darul Ridzuan Ipoh Perak
- e- Sek. Men. Keb. Agama Syeikh Ahmad Said Seremban, N. Sembilan
- f- Sek. Men. Keb. Agama Syeikh Abdul Malik, Kuala Terengganu
- g- Sekolah Menengah Agama Taqaddum Maarif, Kota Bharu Kelantan
- h- Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Yan, Yan, Kedah.
- i- Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Itifaqiyyah Kuala Besut Terengganu
- j- Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah, Ipoh Perak
- k- Sekolah Menengah Agama Raja Perempuan Taayah, Ipoh Perak

Oleh yang demikian kami bercadang untuk meneruskan program ini di seluruh institusi pendidikan di Malaysia. Kumpulan sasaran kami ialah pelajar-pelajar peringkat menengah dan tinggi. Kami akan melatih-tubi mereka dengan menggunakan formula-formula mudah yang diolah melalui slot-slot amali bengkel.

3. PERMASALAHAN


Proses pembelajaran BA sering berdepan dengan dua masalah utama iaitu :

- a- Metodologi pengajaran dan pembelajaran yang tidak bertepatan dengan kumpulan sasaran dan objektif yang ingin di capai.
- b- Sikap atau tanggapan negatif pelajar bahawa BA itu susah untuk dipelajari.

Oleh itu Formula Bahasa Arab Mikro (FBAM) ini telah dirangka khusus untuk memberi suatu pendekatan baru yang mudah, menarik, pantas dan berkesan. Ia akhirnya akan mengubah sikap atau tanggapan negatif pelajar untuk mempelajari bahasa tersebut.

4. PENDEKATAN

FBAM akan menggunakan pendekatan berikut dalam proses pembelajaran BA :-



5. MODUL-MODUL

Pendekatan di atas akan diolah melalui 3 modul pembelajaran yang dibahagikan kepada 9 bahagian utama seperti berikut :-

MODUL	KANDUNGAN	TEMPOH
I <i>Pengenalan</i>	1. Fonetik dan Organ Artikulasi	16 jam
	2. Perbendaharaan Kata Asas	64 jam
	3. Laras-Laras Perbualan	80 jam
II <i>Teori</i>	4. Asas Morfologi / Sorf	80 jam
	5. Asas Sintaksis / Nahu	48 jam
	6. Gaya Olahan / Uslub	48 jam
III <i>Praktikal</i>	7. Pembacaan	48 jam
	8. Penulisan	64 jam
	9. Penterjemahan	64 jam
Jumlah Jam Keseluruhan		512 Jam

6. PENUTUP

Sesungguhnya kami pihak perunding ALC benar-benar berharap agar segala perancangan program ini mendapat sokongan padu daripada semua pihak dalam membawa perubahan metode pembelajaran BA di Malaysia ini. Semoga segala usaha murni ini mendapat keberkatan dan kerediaan dari Allah s.w.t.

